

"Dulu saya isterinya, sekarang tidak!"

ENTAH mengapa sejak beberapa bulan kebelakangan ini hati Makcik Fatimah sentiasa berdebar-debar. Resah kadang-kadang bertamu di dada tetapi Makcik Fatimah tidak menganggap itu suatu kelainan. Sangkanya cuma perasaan memandangkan usianya yang sudah lanjut dan sering sakit-sakit badan.

"Kemuncak debaran saya terjawab bila bertemu dengan Higa. Saya tidak pernah menyangka dan menduga kami akan bertemu semula setelah lama berpisah.

"Memang suasana ini mengharukan tetapi saya kuatkan hati tidak mahu menangis kerana saya tidak pernah menyesal apa yang telah terjadi antara kami," ujar Makcik Fatimah yang ditemui di rumah bekas menantunya, Robiah Ismail 40.

"Bagi saya, pertemuan ini adalah takdir. Dalam usia lanjut begini saya lihat Higa sudah uzur. Dulu dia segak, kacak dan tinggi. Saya tahu dia rasa bersalah dan beberapa kali minta ampun dari saya.

"Yang sudah tu sudahlah, masing-masing dah tua. Saya anggap pertemuan ini sebagai pertemuan saudara dan selebihnya bermakna untuk Latif kerana dapat bertemu bapanya.


"Pengalaman beberapa tahun hidup bersama Higa, dia seorang suami yang baik, penyayang dan bertanggungjawab. Tidak pernah sekalipun dia menjentik saya. Cuma ada sedikit perselisihan yang membuatkan saya merajuk dan berkecil hati.

"Saya masih muda ketika itu. Saya lari bawa Latif tetapi tidak terus pulang ke Malaysia. Saya bekerja sebelum mencari jalan pulang ke Malaysia. Selama sepuluh tahun hidup bersendirian membesarkan Latif, akhirnya saya ambil fasakh dan berkahwin lain. Suami saya sudah meninggal dunia.

"Apa lagi yang boleh saya kata, semua ini adalah takdir Tuhan. Saya tidak menduga bertemu semula dalam keadaan begini. Tetapi saya bersyukur kerana Latif akhirnya kenal juga siapa bapanya. Waktu kami berpisah dulu, dia terlalu kecil dan tidak mengerti apa-apa," ujar Puan Fatimah. **MW.**



Bagaikan bermimpi... Fatimah bertemu Higa.



Robiah; pertemuan ini bermakna.

Komen Robiah; menantu 'tinggal'

ROBIAH HAJI ISMAIL, bekas menantu Fatimah mengakui sebelum ini pernah mengetahui bapa mentuanya berketurunan Jepun. Bagaimanapun dia sendiri tidak menduga dapat bertemu Pakcik Higa setelah bercerai dengan Latif.

"Memang saya tiada hubungan dengan Pakcik Higa lagi tetapi anak-anak saya adalah cucu-cucunya. Sejak mengenali Pakcik Higa, anak-anak saya berpendapat adalah lebih baik datuk mereka tinggal bersama kami.

"Secara langsung dapatlah kami mengenali Pakcik Higa dengan lebih rapat dan mesra. Sebagai bekas menantu, saya gembira pertemuan ini mengeratkan kekeluargaan kami walaupun saya ada keluarga sendiri dan Latif juga. Begitu juga dengan mak (Fatimah).

"Sepanjang Pakcik Higa tinggal di rumah saya, tidak ada masalah yang timbul kerana Pakcik Higa tidak cerewet. Makan minumannya juga tidak susah dijaga kerana beliau sudah biasa dengan kehidupan orang Melayu."